



24 November 2023
24 November 2023
P.U. (A) 363

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERINTAH JALAN PERSEKUTUAN (MALAYSIA BARAT)
(PINDAAN) (NO. 17) 2023

*FEDERAL ROADS (WEST MALAYSIA) (AMENDMENT)
(NO. 17) ORDER 2023*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959

PERINTAH JALAN PERSEKUTUAN (MALAYSIA BARAT) (PINDAAN) (NO. 17) 2023

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 3 Akta Jalan Persekutuan 1959 [Akta 376], Menteri, setelah berunding dengan Kerajaan Negeri Johor, membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Jalan Persekutuan (Malaysia Barat) (Pindaan) (No. 17) 2023**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 30 November 2023.

Pindaan Jadual Pertama

2. Perintah Jalan Persekutuan (Malaysia Barat) 1989 [P.U. (A) 401/1989] dipinda dalam Jadual Pertama di bawah kepala Negeri Johor Darul Takzim—

(a) dengan menggantikan butiran 4 dengan butiran yang berikut:

“4. *(Laluan 5): Jalan Johor Bahru-Muar*

Bermula dari Johor Bahru di koordinat U 1.548067, T 103.656947 dan berakhir di sempadan negeri Johor dan negeri Melaka di koordinat U 2.124815, T 102.500851 termasuk jalan sambungannya di dalam sempadan hak lalu-lalang sebagaimana yang ditunjukkan dalam PETA 20: JALAN JOHOR BAHRU-MUAR (jarak sepanjang 178.620 km).”;


(b) dengan menggantikan butiran 8 dengan butiran yang berikut:

“8. (Laluan 23): Jalan Muar-Segamat

Bermula dari persimpangan Laluan 5, Jalan Johor Bahru-Muar di koordinat U 2.076229, T 102.549545 dan berakhir di persimpangan Laluan 1, Jalan Johor Bahru-Gemas di koordinat U 2.506667, T 102.816691 termasuk jalan sambungannya di dalam sempadan hak lalu-lalang sebagaimana yang ditunjukkan dalam PETA 21: JALAN MUAR- SEGAMAT (jarak sepanjang 73.389 km).”; dan

(c) dengan menggantikan PETA 20: JALAN JOHOR BAHRU-PONTIAN-BATU PAHAT-MUAR-MELAKA dengan peta yang berikut:


“PETA 20: JALAN JOHOR BAHRU-MUAR



”; dan

(d) dengan menggantikan PETA 21: JALAN MUAR-SEGAMAT dengan peta yang berikut:

“PETA 21: JALAN MUAR-SEGAMAT



Dibuat 23 November 2023
[KKR.100-1/2/17; PN(PU2)391/Jld. 48]

DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI
Menteri Kerja Raya

[Akan dibentangkan di Dewan Rakyat menurut seksyen 4 Akta Jalan Persekutuan 1959]

FEDERAL ROADS ACT 1959

FEDERAL ROADS (WEST MALAYSIA) (AMENDMENT) (NO. 17) ORDER 2023

IN exercise of the powers conferred by section 3 of the Federal Roads Act 1959 [Act 376], the Minister, after consultation with the State Government of Johore, makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Federal Roads (West Malaysia) (Amendment) (No. 17) Order 2023**.

(2) This Order comes into operation on 30 November 2023.

Amendment of First Schedule

2. The Federal Roads (West Malaysia) Order 1989 [P.U. (A) 401/1989] is amended in the First Schedule under the heading of Negeri Johor Darul Takzim—

(a) by substituting for item 4 the following item:

“4. *(Route 5): Johor Bahru-Muar Road*

Starting from Johor Bahru at coordinates N 1.548067, E 103.656947 and ending at Johore and Malacca state boundary at coordinates N 2.124815, E 102.500851 including its link road within the boundaries of right of way as shown on MAP 20: JOHOR BAHRU-MUAR ROAD (a distance of 178.620 km).”;

(b) by substituting for item 8 the following item:


“8. *(Route 23): Muar-Segamat Road*

Starting from the junction of Route 5, Johor Bahru-Muar Road at coordinates N 2.076229, E 102.549545 and ending at the junction

of Route 1, Johor Bahru –Gemas Road at coordinates N 2.506667, E 102.816691 including its link road within the boundaries of right of way as shown on MAP 21: MUAR-SEGAMAT ROAD (a distance of 73.389 km).”;

(c) by substituting for MAP 20: JOHOR BAHRU-BATU PAHAT-MUAR-MELAKA ROAD the following map:


“MAP 20: JOHOR BAHRU-MUAR ROAD



”; and

(d) by substituting for MAP 21: MUAR-SEGAMAT ROAD the following map:

“MAP 21: MUAR-SEGAMAT ROAD



Made 23 November 2023
[KKR.100-1/2/17; PN(PU2)391/Jld. 48]

DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI
Minister of Works

[To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to section 4 of the Federal Roads Act 1959]